

HUBUNGAN ANTARA HARGA DIRI DAN PENCAPAIAN SAINS DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Prof. Madya Dr. Yahya Buntat
Dr. Muhammad Sukri Saud
Prof. Madya. Mohd. Sharif Mustaffa
Siti Fatimah Saari

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meninjau sama ada wujudnya hubungan antara Harga diri dan Pencapaian Sains dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di Bandar Kuching Sarawak. Responden kajian ini terdiri daripada 200 orang pelajar Tingkatan Dua dari dua buah sekolah di Bandar Kuching, Sarawak. Instrumen kajian menggunakan soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A merangkumi maklumat latar belakang responden. Manakala bahagian B pula mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan tahap pencapaian mata pelajaran sains dan harga diri dalam kalangan pelajar. Kebolehpercayaan instrumen kajian soal selidik pada skala Alpha 0.8996. Data Kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for Windowsn Versi 13.0*. Hasil kajian menunjukkan harga diri dan juga pencapaian mata pelajaran sains para pelajar berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 3.56 dan juga 3,51. Daripada hasil ujian-t, pengkaji mendapati bahawa tidak wujud perbezaan antara harga diri dan pencapaian sains dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Pendahuluan

Perkembangan pesat dalam bidang pendidikan di Malaysia menampakkan gelombang perubahan untuk menyesuaikan pendidikan dengan arus globalisasi, kemajuan sains dan teknologi serta pembangunan modal insan. Gelombang perubahan terbaru berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains. Usaha ini dapat dilihat dengan jelas menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah melaksanakan polisi nisbah 60 : 40 bagi memastikan lebih ramai pelajar memasuki aliran sains berbanding dengan aliran sastera. Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammed berharap agar kerajaan dapat melahirkan generasi baru yang mampu menyahut cabaran wawasan 2020, dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tegar yang kian membelenggu masyarakat kini.

Kemajuan yang dimaksudkan bukan terhad kepada bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Tetapi yang paling utama, Malaysia memerlukan rakyat yang berkebolehan untuk berfikir secara sistematis, berpengetahuan dalam bidang ekonomi dan Sains mampu berkomunikasi dalam beberapa jenis bahasa asing secara berkesan, kreatif dan berinovatif serta menjadikan kecemerlangan sebagai matlamat akhir semua aktiviti yang dijalankan.

Peranan ilmu Sains dalam memajukan tamadun manusia menjadikannya suatu bidang yang dinamik dan dianggap sebagai jentera atau penggerak kepada pembangunan dan perkembangan dalam bidang sains dan teknologi. Oleh itu, penguasaan Sains perlu ditingkatkan dari masa ke semasa bagi menyediakan tenaga kerja yang sesuai dengan perkembangan dan keperluan sesebuah negara yang maju. Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020, Kurikulum Sains diolah dan disusun semula supaya pelajar yang

mempunyai latar belakang dan keupayaan yang pelbagai berkemampuan untuk meneroka ilmu, membuat adaptasi, modifikasi dan inovasi dalam menghadapi atau menangani perubahan dan cabaran masa depan (Sukatan Pelajaran KBSM Sains, 2003). Kebimbangan pelajar dalam mata pelajaran Sains yang diajar dengan menggunakan bahasa Inggeris mungkin menghalang perkembangan negara yang inovatif dan saintifik.

Sehubungan dengan itu, bidang pendidikan memainkan peranan yang penting dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial (JERIS) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN), agar dapat menerajui negara akan datang. Sejajar dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara pelajar diharap dapat mengukuhkan dan memantapkan diri dari aspek kognitif dan bukan kognitif (RES). Dalam aspek kognitif pelajar perlu mempelajari pelbagai mata pelajaran. Antaranya ialah Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Ketika ini mata pelajaran Sains memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Berlandaskan hakikat ini, kerajaan Malaysia telah memberi tumpuan perhatian terhadap bidang Sains dan Matematik bagi mewujudkan satu masyarakat yang maju menjelang 2020.

Pembelajaran dan pengajaran Sains di sekolah, adalah salah satu mata pelajaran di sekolah yang memerlukan kebolehan, kemampuan, kecekapan dan kesediaan pelajar untuk memahami, menangkang dan membina konsep dan pemahaman tentang mata pelajaran tersebut. Kemampuan yang diperlukan pelajar dalam konteks ini tidak terbatas pada kebolehan kognitif sahaja tetapi faktor-faktor seperti minat, motivasi, persekitaran, konsep sendiri dan harga diri.

Dalam bidang Sains, harga diri yang tinggi memainkan peranan yang amat penting untuk menjadi sebuah negara yang maju menjelang 2020. Harga diri memainkan peranan penting bagi mencapai kejayaan yang diinginkan. Harga diri ialah faktor utama yang menentukan kejayaan dan kegagalan setiap orang sebagai seorang insan.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- i. Apakah tahap harga diri pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Bandar Kuching Sarawak?
- ii. Apakah tahap pencapaian mata pelajaran sains dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Bandar Kuching Sarawak?
- iii. Adakah terdapat perbezaan dari segi jantina (lelaki dan perempuan) mengenai harga diri terhadap pencapaian sains dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Bandar Kuching Sarawak?

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tingkatan dua yang sedang menuntut di dua buah Sekolah Menengah sekitar Kuching Sarawak pada tahun 2007. Pelajar tingkatan dua ini dipilih kerana mereka telah mempunyai pengalaman dan pengetahuan asas dalam mata pelajaran sains selama dua tahun di sekolah menengah. Selain itu, sampel kajian ini dipilih atas alasan bahawa pelajar tingkatan dua tidak perlu menduduki peperiksaan awam. Hal ini membolehkan kajian ini

dapat dijalankan secara lancar tanpa mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran kelas peperiksaan seperti tingkatan tiga dan tingkatan lima.

Dua buah sekolah yang dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Samariang. Pengkaji telah memilih 100 orang pelajar dari setiap sekolah. Ini bermakna 200 responden sebagai sampel kajian daripada populasi yang diambil. Sampel dipilih secara rawak iaitu mengikut abjad nama pelajar yang bermula huruf A hingga M.

Perbincangan Dapatan Kajian

Latar Belakang Responden

Kekerapan dan Peratusan Jantina Responden

Jadual 1.1: Kekerapan dan Peratusan Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	70	35%
Perempuan	130	65%
Jumlah	200	100.0

Jadual 1.1 menunjukkan kekerapan dan peratusan jantina responden. Sebanyak 70 orang responden, iaitu 35% daripada jumlah responden adalah pelajar lelaki, manakala 130 orang responden, iaitu 65% daripada jumlah responden adalah pelajar perempuan. Jumlah responden secara keseluruhan adalah sebanyak 200 orang.

Kekerapan dan Peratusan Bangsa Responden

Jadual 1.2 : Kekerapan dan Peratusan Bangsa Responden

Bangsa	Kekerapan	Peratusan (%)
Melayu	108	54
Cina	37	18.5
Iban	32	16
Bidayuh	22	11
Lain-lain	1	0.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 1.2 menunjukkan kekerapan dan peratusan bangsa responden dalam kajian ini. Sebanyak 108 orang responden iaitu 54% daripada jumlah responden adalah bangsa Melayu, 37 orang responden iaitu 18.5% adalah bangsa Cina, 32 orang responden iaitu 16% adalah bangsa Iban, 22 orang responden iaitu 11% adalah bangsa Bidayuh, dan seorang responden iaitu 0.5% adalah lain-lain bangsa.

Kekerapan dan Peratusan Gred Mata Pelajaran Sain Dalam Peperiksaan Peringkat Sekolah.

Jadual 1.3 : Kekerapan dan Peratusan Gred Mata Pelajaran Sain Dalam Peperiksaan Peringkat Sekolah.

Gred	Kekerapan	Peratusan (%)
A	-	-
B	19	9.5
C	56	28
D	93	46.5
E	32	16
Jumlah	200	100.0

Jadual 1.3 menunjukkan kekerapan dan peratusan gred yang diperolehi oleh responden dalam mata pelajaran sains peringkat sekolah. Sebanyak 19 orang responden, iaitu 9.5% memperoleh gred B, 56 orang responden, iaitu 28% memperoleh gred C, 93 orang responden, iaitu 46.5% memperoleh gred D, dan 32 orang responden, iaitu 16% memperoleh gred E. Tiada responden yang memperoleh gred A.

Persoalan Kajian Pertama

Apakah tahap harga diri pelajar tingkatan dua?

Daripada dua puluh item yang dikemukakan, kajian menunjukkan tahap harga diri pelajar tingkatan dua secara puratanya berada pada tahap sederhana dengan skor purata minnya 3.56. Walaubagaimanapun terdapat beberapa item soalan yang mendapat persetujuan tinggi dari responden yang antaranya mereka bersetuju menyayangi diri sendiri mendapat skor minnya 4.81 iaitu pada tahap tinggi. Responden bersetuju bertanggungjawab ke atas kerja masing-masing dengan skor minnya 4.20 iaitu pada tahap tinggi, dan responden menganggap masalah sebagai cabaran, dengan skor minnya 4.11 pada tahap tinggi.

Responden mempunyai matlamat hidup yang spesifik, dengan skor minnya ialah 3.89 iaitu pada tahap tinggi. Responden boleh membuat keputusan dengan skor minnya ialah 3.85 pada tahap tinggi dan responden mudah bergaul dengan orang lain skor minnya 3.68 pada tahap

tinggi. Kesemua item ini memberi kesan yang positif terhadap diri pelajar sendiri. Pelajar perlu mengubah sikap dan menjadikan semua halangan sebagai cabaran dalam kehidupan seharian bagi melahirkan insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tunggak utama harga diri ialah kesedaran diri, penerima diri, imej diri yang positif, tanggungjawab diri dan mengambil tindakan. Untuk memperteguhkan atau mengekalkan harga diri, kita perlu memperbaharui diri dalam dimensi mental, fizikal, sosial dan rohani. Harga diri sebenar terbit dari dalam diri dan amat bergantung pada imej diri anda yang dicorakkan oleh kepercayaan anda. Jika imej diri anda kukuh anda akan berasa senang dengan diri anda.

Petua untuk mempertingkatkan harga diri ialah kenali diri anda iaitu mengetahui kekuatan dan kelemahan diri. Kemana haluan anda dalam kehidupan? Buat satu senarai keselesaan tentang personaliti anda yang positif. Cuba menyayangi dan menerima diri anda yang sedia ada. Jangan bandingkan diri anda secara negatif dengan orang lain. Berusaha untuk memperbaiki perwatakan anda. Gantikan fikiran negatif dengan fikiran positif.

Persoalan Kajian Kedua

Apakah tahap pencapaian mata pelajaran Sains dalam kalangan pelajar tingkatan dua?

Daripada sepuluh item yang dikemukakan, dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian pelajar tingkatan dua secara purata berada pada tahap sederhana dengan skor minnya 3.51. Responden mementingkan mata pelajaran Sains berada pada tahap sederhana dengan skor minnya 3.39. Kemungkinan pelajar-pelajar tidak memahami mata pelajaran Sains yang diajar dalam bahasa Inggeris dengan skor minnya 3.35 pada tahap sederhana. Responden selalu membuat kerja rumah Sains dalam masa yang ditetapkan berada pada tahap sederhana dengan skor minnya 3.11. Kelalaian pelajar menyebabkan mereka mendapat gred yang tidak memuaskan.

Responden bersetuju akan belajar bersungguh-sungguh walaupun kurang memahami Sains dalam Bahasa Inggeris berada pada tahap tinggi dengan skor minnya 4.11. Responden akan bertanya guru jika ada kekeliruan dalam mata pelajaran Sains berada pada tahap sederhana dengan skor minnya 3.39. Responden bersetuju ibu bapa adalah orang yang paling penting dalam memberi dorongan atau bimbingan semasa belajar, berada pada tahap tinggi iaitu skor minnya 4.44. Responden percaya usaha tangga kejayaan berada pada tahap tinggi dengan skor minnya 4.75. Tanpa usaha kejayaan tidak akan datang bergolek.

Daripada hasil kajian di atas adalah jelas bahawa pembelajaran tidaklah berlaku dengan hanya pelajar menyerap maklumat yang diberi guru secara pasif tetapi ia berlaku secara aktif dalam usaha membina pemahaman. Ilmu pengetahuan tidak boleh dipindahkan kepada pelajar dalam bentuk yang serba sempurna. Dalam proses pembelajaran, pelajar menggunakan idea yang telah diketahui selaras dengan idea yang dipelajari untuk mentafsir atau membina makna bagi setiap apa yang dilihat atau didengar. Guru bertanggung jawab membimbing dan membantu pelajar mempelajari sesuatu pelajaran dengan bermakna. Penekanan diberi kepada menyediakan pelajar dengan peluang untuk membentuk kemahiran dan pengetahuan di mana mereka menghubungkan kaitkan pengalaman lampau untuk kegunaan masa depan.

Menurut Abu Hassan (2001) mata pelajaran Sains memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran yang diperlukan untuk mengkaji Sains sebagai satu disiplin yang berorientasikan eksperimen dan kegiatan amali. Selaras dengan itu kemahiran proses Sains dan kemahiran manipulatif telah diberi penekanan yang sewajarnya. Bagi kemahiran proses Sains, tumpuan telah diberikan kepada mengenal pasti masalah, membina dan menguji hipotesis, merekabentuk dan menjalankan kajian, membuat pemerhatian, membuat pengukuran secara sistematik dengan menggunakan teknik yang betul, merekod pemerhatian dan pengukuran, menganalisis, mantafsir dan menilai data dan maklumat, membuat pengelasan, membuat inferens, membuat kesimpulan, membuat ramalan laporan mengenai segala yang diperolehi semasa melakukan kajian.

Ibu bapa juga perlu sentiasa memberi dorongan dan bimbingan. Ibu bapa harus bijak menjalankan peranan serta tanggungjawab membimbing keluarga dengan lebih berkesan. Perhubungan yang erat antara ibu bapa dengan anak-anak dapat menjamin keutuhan sesebuah keluarga. Ibu bapa harus peka dengan perubahan serta keperluan emosi yang diperlukan oleh anak-anak mereka terutamanya anak-anak yang sedang meningkat ke alam remaja. Ibu bapa perlu sentiasa mengambil berat terhadap anak-anak dengan cara menunjukkan kasih sayang dan menghabiskan masa bersama. Dorongan dan bimbingan dalam pelajaran akan meyebabkan anak-anak cemerlang dalam akademik. Anak-anak yang terbiar prestasi akademik akan menurun dan akhirnya kandas dalam pelajaran.

Persoalan Kajian Ketiga

Apakah terdapat perbezaan dari segi jantina (lelaki dan perempuan)

mengenai harga diri terhadap pencapaian Sains dalam kalangan pelajar tingkatan dua?

Jadual 1.4 : Ujian –t (Independent-samples T-test) Untuk Mengesan Kewujudan Perbezaan Persepsi Mengikut Jantina.

Aspek Yang dikaji	Lelaki	Perempuan	Ujian-T		
	N=70	N=130	Nilai t	df	Nilai Signifikan (Two-tailed)
Tahap harga diri	74.91	73.43	1.388	198	0.167
Tahap pencapaian pelajar	35.54	35.12	0.578	198	0.564
Persepsi Keseluruhan	110.45	108.55	1.285	198	0.200

Bagi meninjau sama ada terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan mengenai harga diri dengan pencapaian sains, ujian-t telah dilakukan. Berdasarkan analisis

ujian-t dalam jadual 1.4, mendapati nilai signifikan yang diperolehi 0.200 lebih besar daripada 0.05, maka hipotesis nol diterima. Dengan demikian kajian ini mendapati tidak wujud perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengenai harga diri terhadap pencapaian Sains dalam kalangan pelajar tingkatan dua.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh rata-rata pelajar kini tanpa mengira jantina telah menyedari kepentingan ilmu dan akademik dalam kehidupan. Pada masa dahulu, ibu bapa selalu mengabaikan pendidikan anak perempuan. Selain itu pelajar perempuan kurang menceburi bidang sains dan teknikal adalah lebih sesuai bagi lelaki. Walaubagaimanapun, taraf pendidikan bagi perempuan telah semakin meningkat pada masa kini. Ibu bapa telah berubah sikap dengan memberikan peluang pendidikan yang adil dan saksama kepada anak perempuan dan anak lelaki. Oleh itu sikap mempelajari sains telah dipupuk sejak kecil lagi tanpa mengira jantina. Maka minat, motivasi dan pengetahuan Sains pelajar perempuan juga adalah sama dengan lelaki.

Penutup

Bagi mencapai Wawasan 2020, kita sebagai rakyat Malaysia harus membuat persediaan yang secukupnya terutama dalam bidang Sains dan teknologi. Dalam hal ini bidang pendidikan memainkan peranan yang penting untuk melahirkan generasi muda pintar yang akan membangunkan negara kita ke arah yang maju. Dengan itu, para pendidik harus menguasai bidang Sains dan teknologi dengan sepenuhnya. Penyelidikan telah mengesahkan dengan jelas bahawa harga diri penting dalam mempertingkatkan prestasi akademik serta memperbaiki tingkah laku para pelajar. Harga diri ialah satu peramal kejayaan akademik yang lebih baik daripada kecergasan yang diukur. Para pelajar yang mempunyai harga diri tinggi adalah lebih berjaya dan aktif dari segi akademik dan sosial berbanding dengan para pelajar yang mempunyai harga diri yang rendah. Mereka juga lebih ghairah untuk mengemukakan pendapat dalam perbincangan dan mempunyai cita-cita yang lebih tinggi.

Rujukan:

Ahmad Zabidi Abdul Razak (2004). "Memimpin diri Sendiri" Pts Publication

Distributors Sdn Bhd.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan" Universiti Teknologi

Malaysia Skudai. 37.

Ranjit Singh Malhi (1998). "Mempertingkatkan harga diri". Self-Sesteem Seminars Sdn

Bhd. Kuala Lumpur Malaysia.

Rozman Hj. Din (2002). "Pembangunan Diri Satu Proses Berterusan". Kuala Lumpur:

Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.